



**HOSPITAL SULTANAH AMINAH  
JOHOR BAHRU**

Jalan Persiaran Abu Bakar Sultan  
80100 Johor Bahru

HSAJB/TAD-23/VER1.0/2024

<b>BORANG MASUK ASRAMA PEGAWAI PERUBATAN LATIHAN SISWAZAH / ASRAMA JURURAWAT DAN AKUAN PENERIMAAN / PENYERAHAN ASRAMA</b> (Dilengkapkan Oleh Penghuni Dan Dikembalikan Kepada Penyelia Asrama)						
No. Unit :						<b>GAMBAR</b>
Nama Penghuni :						
No. Kad Pengenalan :						
Jawatan :						
Tempat Bertugas :						
No. Telefon :						
Status Perkahwinan :	<input type="checkbox"/> Bujang	<input type="checkbox"/> Berkahwin	<input type="checkbox"/> Lain-lain :			
Agama :	<input type="checkbox"/> Islam	<input type="checkbox"/> Buddha	<input type="checkbox"/> Hindu	<input type="checkbox"/> Lain-Lain :		
Bangsa :	<input type="checkbox"/> Melayu	<input type="checkbox"/> Cina	<input type="checkbox"/> India	<input type="checkbox"/> Lain-Lain :		
Tarikh Masuk Asrama :						
Lokasi :	<input type="checkbox"/> PSM1	<input type="checkbox"/> HO3	<input type="checkbox"/> Asrama Jururawat			

Sila tandakan ( / ) pada petak yang berkenaan setelah dipastikan perkara berikut berada di dalam Asrama :-

<b>Bil</b>	<b>Kelengkapan</b>	<b>Catatan</b>
1	Kunci Bilik	<input type="checkbox"/>
2	Katil & Tilam	<input type="checkbox"/>
3	Meja	<input type="checkbox"/>
4	Kerusi	<input type="checkbox"/>
5	Almari	<input type="checkbox"/>
6	Lain-lain	<input type="checkbox"/>

- Saya mengaku bertanggungjawab sepenuhnya di atas alat-alat yang ditempatkan di dalam Asrama;
- Jika didapati alat-alat yang ditempatkan hilang atau rosak disebabkan kecuaiannya, saya akan menggantikan dengan yang baru; dan
- Dengan ini diakui bahawa saya telah menduduki asrama tersebut mulai dari tarikh seperti yang ditulis. Semua alat dan perabot seperti di atas dan kawasan asrama ini didapati dalam keadaan baik kecuali yang dinyatakan di atas. Saya juga bersetuju agar pemotongan ke atas Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH) dipotong daripada gaji saya berdasarkan kelayakan yang sedang berkuatkuasa.

<b><u>Pengesahan Penghuni :</u></b>	<b><u>Pengesahan Penyelia Asrama :</u></b>
Tandatangan	Tandatangan
Tarikh :	Tarikh :



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## PERATURAN ASRAMA PEGAWAI PERUBATAN LATIHAN SISWAZAH HOSPITAL SULTANAH AMINAH JOHOR BAHRU

1. Asrama Pegawai Perubatan Latihan Siswazah, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru (HSAJB) (selepas ini disebut 'Asrama') adalah dikhaskan kepada Pegawai Perubatan Latihan Siswazah (selepas ini disebut 'Penghuni') yang menjalani latihan di HSAJB.
2. Tempoh yang dibenarkan adalah **SATU (1) TAHUN SAHAJA BERMULA DARI TARIKH LAPOR DIRI**. Walau bagaimanapun, pihak Pengurusan HSAJB (selepas ini disebut 'Pihak Kerajaan') boleh mengarahkan Penghuni untuk mengosongkan Asrama atau berpindah ke tempat lain pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab.
3. Pegawai Perubatan Latihan Siswazah serta Pegawai-Pegawai lain dibenarkan untuk menduduki asrama ini dengan syarat mendapat kebenaran / kelulusan daripada Pihak Kerajaan dan bagi tempoh masa yang ditetapkan sahaja. Walau bagaimanapun, kebenaran ini tertakluk kepada kekosongan dan keutamaan adalah diberi kepada Pegawai Perubatan Latihan Siswazah.
4. Orang awam adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali untuk tinggal / bermalam di Asrama Pegawai Perubatan Latihan Siswazah.
5. Satu (1) rumah kediaman Asrama akan dihuni oleh **EMPAT (4) ORANG PENGHUNI PADA SATU-SATU MASA** bagi kediaman Asrama di Pangsapuri Sri Murni 1 (PSM1) manakala **SATU (1) ORANG PENGHUNI SAHAJA** di HO3.
6. Penghuni yang telah berumahtangga (berkahwin) tidak dibenarkan untuk membawa pasangan dan anak untuk tinggal bersama di Asrama.
7. Penghuni **TIDAK DIBENARKAN** berpindah bilik tanpa kebenaran / kelulusan Pihak Kerajaan.
8. Penghuni hendaklah menggunakan Asrama dan kemudahannya dengan cermat dan bertimbang rasa dan jangan melakukan sesuatu yang boleh mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan lain pada mana-mana bahagian bangunan atau kelengkapan di dalamnya.
9. Keselamatan harta benda persendirian dan barang bernilai adalah di bawah **TANGGUNGJAWAB PENGHUNI**. Pihak Kerajaan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian.
10. Penghuni adalah **DIWAJIBKAN** untuk menjaga kebersihan bilik dan kawasan persekitaran Asrama. Pihak Kerajaan akan mengadakan pemeriksaan asrama dari semasa ke semasa.
11. Kehilangan / kerosakan peralatan / perkakasan atau lain-lain kemudahan yang sedia ada di Asrama perlu dilaporkan segera kepada Penyelia Asrama dan pihak Medivest Sdn Bhd di talian **2603 / 2604**. Sekiranya kerosakan tersebut disebabkan oleh kecuaiian / kelalaian Penghuni sendiri, segala kos penambahbaikan perlu ditanggung oleh Penghuni sendiri.

12. Penghuni **ADALAH DILARANG** sama sekali :-
- a) Merokok di dalam kawasan Asrama;
  - b) Membawa masuk, menyimpan, dan menggunakan senjata, senjata api dan benda yang boleh membahayakan keselamatan awam;
  - c) Memiliki, mengedar dan menagih atau apa-apa cara yang berkaitan dengan dadah, pil khayal, dan penggunaan minuman keras di kawasan Asrama;
  - d) Membazir tenaga elektrik dan air. Penghuni adalah dinasihatkan untuk memastikan lampu dan air ditutup setiap kali meninggalkan Asrama ;
  - e) Tidak dibenarkan untuk mengeluarkan / memindah kemudahan-kemudahan, perabot dan peralatan lain yang disediakan di dalam Asrama;
  - f) Dilarang sama sekali melakukan perbuatan yang boleh menimbulkan syak, kelakuan tidak sopan dan mengganggu ketenteraman Penghuni lain sama ada berlainan jantina mahupun jantina yang sama di dalam kawasan Asrama;
  - g) Tidak dibenarkan untuk memelihara semua jenis haiwan peliharaan di kawasan Asrama.
13. Setelah tamat tempoh satu (1) tahun menduduki Asrama, Penghuni **MESTILAH** mengosongkan biliknya dengan **KADAR SEGERA** dan mengisi **SIJIL AKAUN KELUAR ASRAMA PEGAWAI PERUBATAN LATIHAN SISWAZAH** yang boleh didapati daripada Unit Khidmat Pengurusan, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru ataupun di laman web rasmi HSAJB.
14. Penghuni yang telah mengosongkan Asrama dikehendaki untuk **MENGEMBALIKAN** semula kunci bilik kepada Unit Khidmat Pengurusan, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dengan kadar segera. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pemotongan elaun Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH) diteruskan.
15. Penghuni tidak boleh melakukan sesuatu yang menghalang, merintang atau menahan wakil Pihak Kerajaan seperti Penyelia Asrama, pekerja syarikat konsesi dan sebagainya yang ditentukan oleh Pihak Kerajaan daripada memasuki bilik Asrama bagi tujuan menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya di bilik itu.
16. Penghuni yang mengingkari / melanggar mana-mana peruntukan Peraturan Asrama Pegawai Perubatan Latihan Siswazah boleh dibatalkan kelayakan untuk menghuni Asrama serta boleh diarah keluar Asrama pada bila-bila masa atau dikenakan apa-apa bentuk tindakan tatatertib tertakluk kepada Perintah Am Bab D, Bahagian II, Para 4(2)(i).

Arahan :  
Pengarah Hospital  
Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru  
Dikemaskini pada Julai 2024

**PENGESAHAN PENGHUNI**

DENGAN INI SAYA MENGAKUI TELAH MEMAHAMI DAN AKAN MEMATUHI PERATURAN ASRAMA PEGAWAI PERUBATAN LATIHAN SISWAZAH SEPERTIMANA YANG DINYATAKAN DAN SAYA BERSETUJU BAHAWA PIHAK KERAJAAN BOLEH MENGAMBIL TINDAKAN SEWAJARNYA JIKA DIDAPATI SAYA TELAH MELANGGAR SALAH SATU ATAU KESEMUA PERKARA YANG TERKANDUNG DI DALAM PERATURAN DI ATAS.

SAYA JUGA MEMAHAMI BAHAWA KELAYAKAN UNTUK MENGHUNI ASRAMA BOLEH TERBATAL JIKA SAYA DIDAPATI TELAH MELANGGAR PERATURAN YANG TERMAKTUB.

PENGHUNI,

DISAKSIKAN OLEH,

.....  
(TANDATANGAN)

.....  
(TANDATANGAN)

NAMA : .....

NAMA : .....

JAWATAN : .....

JAWATAN : .....

JABATAN : .....

JABATAN : .....

NO K.P. : .....

NO K.P. : .....

TARIKH : .....

TARIKH : .....

***Nota : Sila sediakan satu salinan dan diserahkan kepada Penghuni dan borang akan disimpan oleh Unit Khidmat Pengurusan.***